



## **GARISPANDU BAGI PENSWASTAAN MEMBAIKI-PULIH / PENGANTIAN KIBEL PERKHIDMATAN (SERVICE CABLE / WIRE) DAN SEALING CHAMBER**

- Semua kerja pembaikan atau penggantian kibel perkhidmatan (bagi semua size) dan “sealing chamber” ditanggung sepenuhnya oleh pemilik bangunan itu sendiri;
- Pemilik bangunan akan melantik dan membayar sendiri pemborong elektrik bagi membuat kerja-kerja di atas;
- Pemilik bangunan juga bertanggung-jawab terhadap penyediaan semua kos yang diperlukan untuk tujuan ini termasuk kos barang-barang dan perkhidmatan;
- Tanggung-jawap pemilik rumah adalah terhad kepada kibel perkhidmatan yang mengambil bekalan elektrik sama ada dari tiang-tiang kawat atas atau pun dari Feeder Pillar (Distribution dan Mini Feeder Pillar) milik JPE dan “sealing chamber” di bangunan yang mengalami kerosakan elektrik;
- Pemborong yang dilantik oleh pemilik bagi kerja-kerja di atas mestilah berdaftar dengan Kementerian Pembangunan dan mempunyai pekerja berkelayakan yang berdaftar dengan JPE dalam kategori yang bersesuaian dan;
- Pemborong dikehendaki menghubungi JPE bagi penutupan dan penaktifan bekalan elektrik di tiang kawat atas atau pun di Feeder Pillar sebelum memulakan kerja dan setelah menyiapkan kerja.

### Nota tambahan:

1. Bagi kejadian melibatkan kerosakan kibel perkhidmatan, JPE akan mengaturkan penarikan / pemasangan bekalan sementara (temporary supply), sama ada melalui kawat atas atau kibel bawah tanah.
2. Pemasangan ini hanyalah dihadkan bagi penggunaan maksima selama DUA (2) MINGGU sahaja dari tarikh ianya diaktifkan.
3. Pemilik bangunan dikehendaki menguruskan pembaikan kepada kibel perkhidmatan yang rusak (berpandukan garis-pandu di atas) dalam jangka masa DUA (2) MINGGU di atas.
4. Sekiranya pemilik bangunan gagal membaiki kerosakan tersebut dalam masa yang diberikan itu, maka JPE akan bertindak memotong bekalan elektrik ke bangunan tersebut (disebabkan faktor keselamatan).
5. JPE akan mengeluarkan surat kepada pemilik bangunan untuk menerangkan perubahan baru ini dengan secepat mungkin.